

Judul	KEKAUMAS UMS harap kerajaan beri perhatian kepada kakitangan sambilan
Pengarang	
Akhbar	Borneo Post
Tarikh	1 Mei 2008
Bahasa	Melayu
Mukasurat	6



KEKAUMAS UMS harap kerajaan beri perhatian kepada kakitangan sambilan

KOTA KINABALU: Kesatuan Kakitangan Am, Universiti Malaysia Sabah (KEKAUMAS) menyokong cadangan Presiden Cuepacs, Haji Omar Osman agar kerajaan mengambil perhatian khusus kepada semua kakitangan awam yang bertaraf kontrak untuk dikaji semula.

Presiden KEKAUMAS UMS, Amat Jutrah Haji Musnih berkata pihaknya juga menyarankan kerajaan agar mengambil perhatian terhadap kakitangan bertaraf sambilan yang telah lama berkhidmat dengan sesebuah



jabatan bagi menjamin masa depan diri dan keluarga.

Selain itu, beliau juga memberikan sokongan

berhubung permohonan umur persaraan wajib kakitangan kerajaan dari 56 hingga ke 60 tahun, penambahan elaun perumahan, pemansuhan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan pemberian elaun kritikal kepada 1.2 juta kakitangan awam di negara ini.

Mengenai honorarium RM2,000 yang tidak dapat ditunaikan kerajaan, beliau berkata amat wajar kerajaan tidak memberikannya ketika ini tetapi masih berharap ianya akan diberikan pada tahun hadapan.